

# FONOLOGI BAHASA LUNDAYEH DI SABAH

*SMD Robert YWP Taringan*

## **Abstrak**

Bahasa Lundayeh merupakan salah satu bahasa yang dituturkan oleh suku kaum peribumi di Sabah. Kajian dan penyelidikan terhadap bahasa ini amat kurang terutamanya dalam bahasa Melayu. Justeru, makalah ini membincangkan aspek bahasa yang berkaitan dengan bidang fonetik dan fonologi bahasa Lundayeh dari segi vokal, konsonan, dan diftong. Bahasa Lundayeh di Sabah memiliki enam jenis vokal, 19 konsonan dan lima diftong yang penulis anggap sebagai asli. Penulis akan membincangkan kehadiran vokal, konsonan dan diftong dalam ujaran Lundayeh, bunyi sebutan setiap perkataan yang berkaitan serta maknanya dalam bahasa Melayu. Selain sistem bunyi, penulis juga akan mengemukakan beberapa ciri khas bahasa Lundayeh yang dikenal pasti setakat ini bagi memperlihatkan kelainannya berbanding bahasa-bahasa sukuan yang lain. Dalam keseluruhan penulisan ini, penulis menggunakan bunyi konsonan /p/ walaupun ada penutur (bahasa Lundayeh Kemaloh) menggunakan bunyi konsonan /f/ bagi menggantikan konsonan /p/ seperti kata /pekaak/ atau /fekaak/ yang bermaksud *pagi*, kata /yapeh/ atau /yafeh/ yang bermakna *di mana*. Perbezaan ini tidak membawa perubahan makna kerana dalam bahasa lain pun memang wujud variasi bebas (free variation) seperti ini. Perbincangan lanjut variasi bebas akan dijelaskan dalam subtajuk ciri-ciri khas bahasa Lundayeh.

## **Abstract**

*Lundayeh language is one of the languages used by one of the natives in Sabah. Not much researches and studies have been done towards the language especially in the Malay languages. This journal*

*discussed certain aspect related to the language such as in phonetic and phonology of the language which covered the vowels, consonants and diphthong. The Sabah Lundayeh language has six vowels, 19 consonants and five diphthongs. I would like to highlight a few special features of the Lundayeh language which has been identified and to show the differences compared to other natives language. Overall, I used the pronounce of consonant /p/ even the speaker (Lundayeh Kemaloh language) used the consonant /f/ to replace the pronounce of consonant /p/, for examples /pekaak/ or /fekaak/ means morning, and the word /yapeh/ or /yafeh/ means where. The difference do not indicate any change in the meaning as in other languages, there are also free variation. This will be further discussed in detailed under the sub-topic of the special features (characteristics) of Lundayeh language.*

## PENGENALAN

Bahasa<sup>1</sup> dan bangsa merupakan satu hubungan yang tidak dapat dipisahkan. Bahasa diibaratkan seperti isi dengan kuku. Daripada bahasa kita mengenali bangsa, daripada bangsa kita juga dapat mengenali bahasanya. Sebagai satu alat perhubungan yang penting, setiap bahasa mempunyai sistem bunyi masing-masing. Kajian terhadap sistem bunyi sesuatu bahasa disebut fonologi.<sup>2</sup> Menurut Paitoon (2006:2), ada sekurang-kurangnya enam tujuan kajian fonologi dibuat, antaranya adalah untuk melihat kesemestaan bahasa, pemenggalan bunyi bahasa, pola dan kelas bunyi bahasa, variasi bunyi, proses fonologi dan perubahan bunyi.<sup>3</sup> Bunyi bahasa dalam unit yang terkecil disebut fonem.<sup>4</sup> Fonem memainkan peranan penting dalam sesuatu bahasa. Menurut Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (2004:280), fonem sebagai unit bunyi bahasa digunakan untuk menerbitkan bentuk-bentuk kata mengikut suatu peraturan atau sistem bunyi bahasa.

Sebelum membincangkan fonologi bahasa Lundayeh, ada baiknya penulis menjelaskan asal-usul suku kaum Lundayeh supaya pembaca dapat gambaran menyeluruh tentang latar belakang masyarakat ini di Sabah.

1 Sistem lambang yang arbitrari yang digunakan oleh sesebuah masyarakat untuk bekerjasama, berinteraksi dan mengidentifikasi diri.

2 Paitoon, hlm. 2 . Fonologi ialah bidang dalam linguistik yang menyelidiki bunyi-bunyi bahasa menurut fungsinya; fonemik.

3 *Ibid.*

4 Fonem merupakan satu unit bunyi yang terkecil yang boleh membezakan makna.

## ASAL USUL LUNDAYEH SABAH

Lundayeh merupakan nama yang diberikan kepada salah satu suku kaum peribumi di Sabah. Suku kaum Lundayeh kurang dikenali kerana ramai yang menganggap Lundayeh itu Murut. Tidak hairanlah muncul pelbagai sebutan seperti “Lun Dayu”, “Lun Daya”, “Lan Dayu”, “Lun Daye”, “Lun Dayoh” dan sebagainya yang merujuk kepada suku kaum Lundayeh. Dari segi bunyi, Lundayeh disebut [lundayəh].

Kaum Lundayeh dikenal juga dengan nama Lun Bawang di Sarawak dan Brunei Darussalam yang merupakan salah satu kumpulan penduduk etnik peribumi yang terawal menduduki Kepulauan Borneo. Pada tahun-tahun sebelum 1960, suku kaum Lundayeh atau Lun Bawang dilabelkan dengan nama Murut.<sup>5</sup> (Pollard, 1933, 1935; Southwell, 1949; Crain, 1974, 1978; Deegan, 1973). Istilah Murut banyak menimbulkan kekeliruan. Hujah ini benar berdasarkan pendapat Prentice (1965:127–150) bahawa,

*di Pulau Borneo terdapat dua kumpulan orang Murut; satu kumpulan bernama Murut Sarawak (dikenal Lun Bawang) yang tinggal di Sarawak dan dikenal sebagai Lundayeh di Sabah, manakala satu kumpulan lagi digelar Murut Sabah dan dikenali sebagai Tagal di Sarawak.*

Mengikut Prentice lagi (dalam Bilcher Bala, 1993:23) label Lun Bawang pada asalnya muncul daripada satu pertikaian klasifikasi Murut yang digunakan di Sabah dan di Sarawak. Di Sabah, istilah itu merujuk suku-suku kaum seperti Timogun, Nabai, Baukon, Paluan, Sumambuq, Alumbis dan Tagal atau Tagol (Idahan Murut). Manakala di Sarawak, label ini merujuk Lun Bawang atau Tagal. Di samping pendeskripsian etnik Murut oleh Prentice ditemui juga identifikasi lain untuk merujuk etnik yang sama. Menurut Langub (Ipoi Datam, 1989:143),

*Murut digunakan orang asing sebagai istilah etnik yang merujuk orang “yang menganggap diri mereka sebagai Lun Bawang”. Bagaimanapun, Lun Bawang menggunakan beberapa label lain seperti Lun Dayeh, Lun Lod, Lun Ba, Lun Tana Luun dan Lun Bawang sebagai istilah rujukan diri.*

5 Label “Murut” yang diberikan kepada suku kaum Lundayeh atau Lun Bawang berdasarkan beberapa hipotesis. Pertama, label ini kerana mereka pada masa itu hidup di kaki Gunung Murud (Murut) jadi mereka dinamakan orang Gunung Murud yang kemudiannya disebut Orang Murut. Hipotesis kedua, berdasarkan amalan menghantar berian (purut) dalam perkahwinan.

Terdapat dua persamaan kod rujukan etnik ini berdasarkan kajian Ipoi Datam dan Crain (1974), iaitu etnik yang disebut Lun Bawang dan Lun Dayeh. Crain yang memetik kajian Prentice (dalam Ipoi Datam, 1989:143) berhubung dengan identifikasi etnik ini di Sabah, telah menyebut bahawa,

*"Sila ambil perhatian istilah "Murut" yang digunakan orang asing untuk merujuk bermacam-macam-puak orang yang mendiami pergunungan Sarawak utara dan bahagian pedalaman Sabah. Di Sabah, "Murut" digunakan sebagai istilah etnik untuk merujuk puak yang dikenal sebagai Timungon, Nabay, Baukan, Paluan, Sumambuq dan Alumbis (Prentice, 1972) dan di Sarawak, mereka yang menggelar diri sebagai Lun Bawang dan kadang-kadang Lun Dayeh.*

Jadi, semua dapatan daripada kajian awal tentang asal usul dan period kedatangan orang Lundayeh ke Kepulauan Borneo berkaitan secara langsung dengan suku kaum Murut meskipun dari segi bahasa, kedua-dua suku kaum peribumi Sabah ini tidak ada persamaan leksikal.

Kajian Crain (1978) mendapati bahawa Lun Dayeh atau Lun Bawang ditemui di Kepulauan Borneo<sup>6</sup>: 25 000 di Kalimantan, 2000 di Sabah, 300 atau lebih di Brunei; dan 10 000 di Sarawak (Jabatan Statistik, Laporan Bancian Penduduk Malaysia, 1980). Di Kalimantan Timur, suku kaum ini ditemui di sekitar Bahau dan Mentarang, Pa' Kemaloh,<sup>7</sup> Paya dan Sungai Sesayap; di Sabah tertumpu di kawasan Ulu Padas dan Mengalong; di Brunei, iaitu di kawasan Temburong dan Pandaruan (Balang dan Harrisson, 1949; Harrisson, 1959; Le Bar, 1972). Manakala di Sarawak terdapat di Lawas dan Limbang di Bahagian Kelima.

Seorang sejarawan barat bernama William (dalam Mat Zin Mat Kib, 2003:25) berpendapat kira-kira 15 000 hingga 20 000 tahun yang lalu telah berlaku penghijrahan penduduk dari bahagian selatan Negara China ke Asia Tenggara dan kawasan pesisirnya, termasuklah ke Pulau Borneo. Antara mereka yang berpindah dari benua Asia ini sejak 1500 hingga 1000 SM terdiri daripada kumpulan etnik yang pada hari ini disebut "Dusun" dan "Murut". Berdasarkan fakta inilah kelompok Dusun dan Murut dikatakan dua kelompok yang paling awal berada di Sabah. Kelompok ini secara umumnya disebut Melayu Proto (Bellwood, 1985:103; Collins, 1998:3–4). Harrison (1959) dan S.Runciman (1960) juga mengesahkan

6 Lihat Peta Petempatan awal orang Lundayeh di Kepulauan Borneo (1800–1959) di sekitar Gunung Murud. (Lampiran C).

7 Dipercayai sebagai petempatan awal orang Lundayeh yang kemudiannya tersebar di seluruh pelosok Borneo.

bahawa kaum ini adalah yang terawal menetap di kawasan pergunungan di tengah Kepulauan Borneo.

Jika demikian halnya, berdasarkan bukti-bukti sejarah, Lundayeh dikaitkan dengan rumpun bangsa Austronesia<sup>8</sup> dari cabang Nusantara<sup>9</sup> yang telah bertapak di Kalimantan. Asmah Omar (1985:36,38) yang juga mengelompokkan rumpun Austronesia kepada empat keluarga. Menurutnya, bahasa Lun Dayeh (Lundayeh) merupakan kelompok Indonesia Pusat selain bahasa Melayu, beberapa bahasa di Sarawak (kecuali Bisaya), Kalimantan dan pulau-pulau Indonesia lainnya.<sup>10</sup> Perkaitan bahasa Lundayeh dengan Austronesia dibuktikan dengan terdapatnya beberapa contoh kosa kata Austronesia Purba (BAP) yang ada persamaan bunyi dengan kosa kata dalam Bahasa Lundayeh.<sup>11</sup>

### **Asal Usul Nama “Lundayeh”**

Sama seperti Murut (Wooley,1922), nama Lundayeh bukanlah nama yang diciptakan oleh golongan penutur ini sendiri tetapi nama yang diberikan oleh penduduk yang tinggal di persisiran pantai di Sabah atau Sarawak untuk merujuk kepada kelompok yang mendiami kawasan bukit dan pedalaman Negeri Sabah. Misalnya, Lun Bawang menamakan mereka yang menetap di hulu sungai termasuk di kawasan pergunungan sebagai “Lun Dayeh” dan “Lun Lod” kepada mereka yang mendiami kawasan rendah yang berhampiran dengan laut. Demikian pula “Lun Nan Ba” merujuk kepada mereka yang tinggal dan mengusahakan sawah padi dan “Lun Puneng Mengalong” dilabelkan kepada kelompok yang tinggal di sepanjang Sungai Mengalong. Jadi, istilah “Dayeh” dan “Lod” berkaitan dengan sungai. “Dayeh” pada asalnya bermaksud hulu sungai manakala Lod bermaksud hilir sungai. Apabila “Lun” yang bermakna “orang” digunakan seperti “Lun Dayeh”, yang bermaksud orang yang tinggal di kawasan hulu sungai atau kawasan pergunungan. Lun Bawang pula dikaitkan dengan kelompok yang tinggal menetap di suatu tempat. Mereka tidak lagi berpindah-randah dari satu kawasan ke kawasan yang baru seperti amalan sebelum ini, orang Lundayeh berpindah-pindah mengusahakan padi huma. Jadi kenyataan ini ditegaskan lagi oleh Crain bahawa,

8 Salah satu cabang rumpun bahasa Austris. Asmah Omar menamakannya keluarga Indonesia, iaitu rumpun keluarga yang paling besar.

9 Nik Safiah Karim (2004:4).

10 Lihat buku “Susur Galur Bahasa Melayu” oleh Asmah Omar.

11 Lihat Lampiran A.

“label Lun Dayeh lebih merujuk kepada orang yang tinggal di kawasan hulu Sungai Padas dengan Mengalong di Sabah”. (Crain 1974,1978).

Begitu juga di bahagian pedalaman Kalimantan Timur, iaitu Kemaloh, Paya, Sesayap dan Kerayan (Padoch, 1981). Setelah persempadanan di antara Malaysia, Brunei dan Kalimantan dibuat, suku kaum Lundayeh tidak lagi bebas bergerak seperti sebelumnya. Mereka yang menetap di dalam wilayah Sabah dan Sarawak menjadi penduduk Malaysia. Mereka yang berada di wilayah Brunei menjadi penduduk Brunei, manakala orang Lundayeh yang berada dalam wilayah Kalimantan menjadi penduduk Indonesia. Itu sebabnya ada orang Lundayeh di Kalimantan mempunyai keluarga di Malaysia ataupun di Brunei, orang Lundayeh di Malaysia ada ahli keluarga di Kalimantan dan di Brunei Darussalam, hanya kewarganegaraan sahaja yang berbeza.

Pada akhir tahun 1970-an, nama Lundayeh telah menjadi nama yang sebatи dan diterima umum sebagai nama salah satu suku kaum peribumi di Sabah. Orang Lundayeh mengekalkan nama itu sebagai identitinya di Sabah meskipun ketua-ketua masyarakat Lun Bawang di Sarawak pernah mencadangkan agar nama Lundayeh diubah kepada Lun Bawang. Nama yang asalnya dieja Lun Dayeh akhirnya diubah menjadi “LUNDAYEH”. Beberapa tahun kemudian, satu pertubuhan Lundayeh ditubuhkan untuk mempersatukan orang Lundayeh melalui kegiatan kebudayaan, sukan dan kebajikan yang dinamakan Persatuan Lundayeh Sabah dengan singkatan PELSA.<sup>12</sup> Persatuan ini telah mengiktiraf penggunaan perkataan “Lundayeh” yang dieja satu perkataan sebagai nama rasmi suku kaum Lundayeh di Sabah. Perubahan ini dapat mengatasi masalah ejaan perkataan Lundayeh yang sebelum ini dieja dengan pelbagai bentuk dalam dua perkataan seperti Lun Dayeh, Lun Daya, Lun Dayah, Lun Daye, Lun Dayoh dan sebagainya mahupun yang dieja dalam satu perkataan, iaitu Lundaya.

Di Sabah pada masa ini, suku kaum Lundayeh majoritinya menetap di daerah Sipitang, Tenom, Keningau, dan di daerah Beaufort. Sebahagian kecil pula berselerak di daerah-daerah lain seperti Kota Kinabalu, dan daerah Tawau.

---

<sup>12</sup> Persatuan Lundayeh Sabah ditubuhkan pada awal tahun 1979 yang didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia di bawah akta pertubuhan 1966. Presiden yang pertama disandang oleh Encik Charles Ayub Tabed. Lihat juga ‘The Lundayeh Language oleh David C. Moody (1984:61).

## FONETIK DAN FONOLOGI BAHASA LUNDAYEH

Sama seperti bahasa-bahasa yang lain, bahasa Lundayeh juga mempunyai sistem bunyi yang hampir sama dengan sistem bunyi asli bahasa Melayu. Bunyi-bunyi bahasa Lundayeh yang akan dikaji oleh penulis dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu vokal, konsonan dan diftong. Sebelum ini, satu kajian berkaitan vokal dan konsonan bahasa Lundayeh telah dihasilkan oleh Lees (1959) dalam "*Lun Dayeh Phonemic*" yang telah diubahsuai oleh Crain, (1970:33).<sup>13</sup> Mereka berpendapat, ada enam vokal dan 22 konsonan termasuk konsonan pinjaman. Tetapi berdasarkan kajian penulis, didapati hanya ada enam vokal, 19 konsonan dan lima diftong asli dalam bahasa Lundayeh. Ketiga-tiga aspek bahasa ini akan dijelaskan dalam subtajuk yang berikutnya.

### VOKAL

Vokal ialah bunyi-bunyi bahasa bersuara yang tidak mengalami sebarang sekatan atau gangguan apabila udara dari paru-paru keluar terus melalui rongga tekak dan rongga mulut ketika menghasilkannya. Menurut Halimah Abd. Rahman (2001:94), bunyi-bunyi vokal mempunyai ciri-ciri kelantangan dan kepanjangan dalam erti kata bahawa bunyi itu dapat didengar dengan jelas dan lebih panjang daripada bunyi-bunyi konsonan.

Ada enam vokal dalam bahasa Lundayeh yang telah dikenal pasti, iaitu tiga vokal depan, satu vokal tengah dan dua vokal belakang. Kajian Asmah Hj Omar (1985:45) juga mendapati ada enam vokal dalam bahasa Lundayeh. Nampaknya vokal bahasa Lundayeh sama dengan vokal asli bahasa Melayu, iaitu, vokal /a/, /i/, /o/, /u/, /e/ dan /ə/.

Perhatikan carta vokal dalam bahasa Lundayeh di bawah ini:

**Jadual 1** Carta vokal bahasa Lundayeh.

Kedudukan Lidah	Depan	Tengah	Belakang
Sempit	i		u
Separuh Sempit	e[é]		o
Separuh Luas		e[ə]	
Luas	a		

13 Lihat Lampiran B: Pengkelasan Konsonan Lundayeh yang telah diubahsuai.

Dalam carta inventori yang ditunjukkan di bawah, dapat dikenal pasti kedudukan atau taburan vokal dalam perkataan Lundayeh.

#### Fonem vokal /a/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
[a:r] ‘pagar’	[palad] ‘tapak tangan’	[mətaga] ‘cantik’
[alad] ‘dinding’	[asar] ‘tong sampah’	[ala] ‘baki, sisa’
[adu?] ‘tuala’	[mābpat] ‘jarang/membahagi)	[raca?] ‘raja’

#### Fonem vokal /i/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
[idan] ‘bila’	[sikəl] ‘ingin/mahu’	[buri?] ‘percakapan’
[itən] ‘bawa’	[bida?] ‘diajar/diberitahu’	[mūči] ‘akan datang’
[ilad] ‘sayap’	[mīgu?] ‘malu’	[lati?] ‘ladang’

#### Fonem vokal /o/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
[o:d] ‘kait’	[nūton] ‘merenung’	[mādo] ‘jauh’
[o:r] ‘jawapan’	[to:d] ‘pin baju’	[payo] ‘rusa’
[o:l] ‘subang’	[ro:t] ‘permainan’	[ləpo] ‘pondok’

#### Fonem vokal /u/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
[uču?] ‘berhenti,berehat’	[busu] ‘lembing’	[tibu] ‘tanaman’
[udan] ‘hujan’	[surud] ‘bukit’	[əbu] ‘kura-kura’
[uduuh] ‘rumput’	[dəčur] ‘perempuan’	[yu:] ‘pisau’

#### Fonem vokal /e/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
[e:t] ‘penyakit’	[məkel] ‘rajin’	[māle] ‘murah,
[eču?] ‘disuruh’	[dəlei] ‘lelaki’	[ate] ‘kematian/hati’
[e:n] ‘sedap’	[mālet] ‘bersih’	[māre] ‘memberi’

#### Fonem vokal /ə/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>
[əmūŋ] ‘semua’	[nāləm] ‘semalam’

[əbpu?] ‘rambut’	[təluh] ‘tiga’
[ətit] ‘katak’	[pətap] ‘cukup’

Sama seperti sistem ejaan baharu bahasa Melayu, vokal e bahasa Lundayeh sering mengalami kekeliruan sebutan jika tidak dilihat merujuk konteks ayat. Konteks ayat akan menentukan jenis vokal e yang hadir. Seperti Bahasa Melayu, sebutan untuk vokal e bahasa Lundayeh juga terbahagi kepada dua, iaitu e pepet dan e taling. Setiap vokal e taling perlu disertakan dengan tanda koma di atasnya [é] untuk memudahkan sebutan dan membezakan e pepet dengan e taling, seperti contoh perkataan yang berikut:

mateh	[mātəh]	bererti	mata
padé	[pade]	bererti	padi

Huruf vokal e dalam perkataan “mateh” dinamakan vokal tengah yang disebut e pepet, manakala huruf e dalam perkataan ‘padé’ merupakan vokal depan separuh sempit yang dinamakan e taling. Vokal e pepet /ə/ hanya hadir pada awal dan tengah perkataan. Manakala vokal /a/, /i/, /o/, /u/, dan /e/ hadir pada awal, tengah dan akhir perkataan.

Kesimpulan daripada sistem vokal bahasa Lundayeh didapati semua vokal hadir dalam sebutan penutur Lundayeh. Namun, apa yang agak berbeza dengan vokal Bahasa Melayu, ialah dari segi ciri-ciri prosodi yang membentuk sesuatu perkataan itu. Seterusnya, penulis mengajak pembaca dan pengkaji bahasa untuk melihat kewujudan bunyi konsonan dalam bahasa Lundayeh.

## KONSONAN

Konsonan ialah bunyi-bunyi bahasa selain bunyi vokal yang mengalami sekatan atau gangguan di rongga mulut, hidung atau tekak ketika dihasilkan. Bunyi-bunyi konsonan yang terhasil boleh jadi bersuara atau tidak bersuara. Dalam bahasa Lundayeh, terdapat 19 konsonan asli yang terdiri daripada tujuh konsonan letupan (plosif), dua konsonan letusan (afrikat), tiga konsonan geseran (frikatif), satu konsonan getaran, satu konsonan sisian (lateral), tiga konsonan sengauan (nasal), dan dua konsonan separuh vokal (semi-vowel). Konsonan bahasa Lundayeh terdiri daripada /b/, /d/, /g/, /p/, /t/, /k/, /ʔ/, /ʃ/, /č/, /m/, /n/, /ŋ/, /f/, /s/, /h/, /r/, /l/, /w/, /y/.

Perhatikan carta konsonan di bawah ini:

**Jadual 2** Carta konsonan bahasa Lundayeh.

<b>Cara Penyebutan</b>	<b>Daerah Penyebutan</b>					
	Dua Bibir	Gusi	Lelangit keras-gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut	Glotal
Letupan (Plosif) Bersuara	b	d			g	
Letupan (Plosif) Tak Bersuara	p	t			k	?
Letusan (afrikat) Bersuara			j			
Letusan (afrikat) Tak Bersuara			č			
Sengauan (nasal)	m	n			(ng)ŋ	
Geseran (frikatif)	f	s				h
Getaran		r				
Sisian (lateral)		l				
Separuh vokal	w			y		

### Konsonan Letupan (Plosif)/Hentian

Konsonan letupan dihasilkan apabila arus udara yang disekat di antara alat artikulasi dengan daerah artikulasi dilepaskan serta-merta. Jika sekatan ini tidak dilepaskan, bunyi hentian glotis akan terhasil. Ada tujuh konsonan letupan/hentian bahasa Lundayeh yang berlaku di bibir, gusi, lelangit lembut dan hentian glotis.

#### i. Letupan Dua Bibir /b/

Konsonan /b/ merupakan letupan dua bibir bersuara. Konsonan ini hadir pada awal, tengah dan akhir kata seperti yang berikut:

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
ba' [ba?] 'sawah'	laba [laba] 'berlalu'	tengeb [təŋəb] 'tebing'
bada [bada] 'pasir'	libal [libal] 'pengganti'	aleb [aləb] 'lutut'
buri' [buri?] 'kata'	kubil [kubil] 'kulit'	kekeb [kəkəb] 'penutup'

ii. Letupan Dua Bibir /p/ dan Geseran Bibir –Gigi /f/

Konsonan /p/ ialah letupan dua bibir tidak bersuara. Konsonan ini hadir pada ketiga-tiga kedudukan. Contohnya:

Awal	Tengah	Akhir
pekaak [pəkaa?] ‘pagi’	upun [upun] ‘lari’	lutep [lutəp] ‘tetap, setia’
pian [pian] ‘ingin’	nupi [nūpi] ‘mimpi’	petap [pətəp] ‘cukup’
patad [patad] ‘berpisah’	eput [əput] ‘sumpitan’	ngetep [ŋətəp] ‘gigit’

iii. Letupan Gusi /d/

Konsonan /d/ ialah letupan gusi bersuara. Konsonan ini hadir pada kedudukan awal, tengah dan akhir kata. Contohnya:

Awal	Tengah	Akhir
decur [dəčur] ‘perempuan’	idan [idən] ‘bila’	alad [alad] ‘dinding’
dalan [dalan] ‘jalan’	tudo [tudo] ‘duduk’	ilad [ilad] ‘sayap’
dawar [dawar] ‘panggilan’	lidung [liduŋ] ‘sudut’	kukud [kukud] ‘kaki’

iv. Letupan Gusi /t/

Konsonan /t/ ialah letupan gusi tidak bersuara. Konsonan ini juga hadir pada kedudukan awal, tengah dan akhir kata. Contohnya:

Awal	Tengah	Akhir
tinan [tinān] ‘emak’	kato [kato] ‘belalang’	metot [mətot] ‘takut’
terawé [tərawe] ‘ingatan’	keted [kətəd] ‘belakang’	nginét [ŋinēt] ‘tunggu’
temaba [təmāba] ‘tandas’	natad [nātad] ‘halaman’	puet [puət] ‘punggung’

v. Letupan Lelangit Lembut /g/

Konsonan /g/ ialah letupan lelangit lembut bersuara. Konsonan ini juga hadir pada kedudukan awal, tengah dan akhir kata. Contohnya:

Awal	Tengah	Akhir
gituen [gituən] ‘bintang’	laga [laga] ‘bantal’	mureg [mūrəg] ‘petik buah’
gayam [gayam] ‘mesyuarat’	pagau [pagau] ‘katil’	aleg [aləg] ‘jangan’
giret [girət] ‘tali pinggang’	gogo [gogo] ‘senduk kayu’	nateg [nātəg] ‘ketuk’

vi. Letupan Lelangit Lembut /k/

Konsonan /k/ ialah letupan lelangit lembut tidak bersuara. Konsonan ini juga hadir pada kedudukan awal, tengah dan akhir kata. Contohnya:

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
kuyu' [kuyu?] 'baju'	kukud [kukud] 'kaki'	tuduk [tudu?] 'tunang'
kuyad [kuyad] 'monyet'	kikid [kikid] 'lauk pauk'	umak [umā?] 'naik'
kiung [kiunj] 'muka, wajah'	kikeb [kikəb] 'ditutup'	naluk [nālu?] 'berbohong'

### vii. Hentian Glotis /?

Konsonan hentian glotis dihasilkan apabila pita suara dirapatkan serapat-rapatnya dan lelangit lembut dinaikkan rapat ke dinding belakang rongga tekak. Arus udara keluar dari paru-paru dan tersekat di belakang rapatan pita suara. Rapatan dilepaskan serta-merta tanpa menggetarkan pita suara untuk menghasilkan bunyi hentian glotis. Contohnya:

pekaak	[pəkaa?]	bererti	pagi
ngelak	[ŋēla?]	bererti	memasak
amek	[amē?]	bererti	kambing
betik	[bəti?]	bererti	tatu

### Konsonan Letusan (Afrikat)

Pertemuan alat artikulasi dengan daerah artikulasi menyekat arus udara dari paru-paru. Apabila sekatan ini dilepaskan perlahan-lahan maka terhasilah konsonan letusan. Dalam bahasa Lundayeh, terdapat sepasang sahaja konsonan letusan, iaitu konsonan [ʃ] dan /č/. Crain J.B (1970:33)<sup>14</sup> berpendapat bahawa konsonan /ʃ/ hanya wujud dalam kata pinjaman. Tetapi penulis mendapati bahawa ada beberapa kata Lundayeh yang menggunakan konsonan tersebut, tetapi jumlahnya tidak banyak.

#### i. Letusan Lelangit Keras /ʃ/

Konsonan /ʃ/ ialah letusan lelangit keras bersuara. Konsonan ini hanya hadir pada awal kata. Namun jumlah perkataan yang menggunakan konsonan ini amat sedikit kecuali kata pinjaman.

##### Awal

- ju' [ju?] 'mandi'
- jier [ʃiər] 'leher'
- jani' [ʃanī?] 'janji'

---

<sup>14</sup> Ibid.

## ii. Letusan Lelangit Keras /č/

Konsonan /č/ ialah bunyi letusan lelangit keras tidak bersuara. Konsonan ini hanya hadir pada tengah kata sahaja. Kehadirannya di awal dan akhir kata hanya berlaku pada kata pinjaman.

### Tengah

decur [dəčur] ‘perempuan’  
decem [dəčəm] ‘gelap’  
acang [ačaŋ] ‘terang, cahaya’  
ngecing [ŋəčiŋ] ‘menyampaikan’

Kata pinjaman seperti *cat* dan *cawan* apabila disebut, konsonan awalan /č/ dalam perkataan tersebut berubah menjadi /s/, iaitu [sa:t], dan [sawan]. Perubahan bunyi konsonan ini berlaku tanpa dirancang.

## **Konsonan Sengauan (Nasal)**

Bunyi sengau dihasilkan apabila udara yang keluar dari paru-paru dibiarkan melalui rongga hidung. Penyengauan juga akan berlaku terhadap vokal-vokal yang mengikutinya. Hanya ada tiga jenis konsonan sengauan dalam bahasa Lundayeh. Ketiga-tiga sengauan ini boleh didapati pada ketiga-tiga kedudukan.

### i. Sengauan Dua Bibir /m/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
mitung [mítuŋ] ‘melontar’	kuman [kumān] ‘makan’	malem [mäləm] ‘malam’
migu’ [mígu?] ‘malu’	kekemen [kəkəmən] ‘kerja’	ngalum [ŋälum] ‘menafikan’
manud [mänüd] ‘hanyut’	emung [əmūŋ] ‘semua’	ukum [ukum] ‘peraturan’

### ii. Sengauan Gusi /n/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
nuli’ [nūli?] ‘pulang’	bané [banē] ‘rantai’	maman [mämān] ‘beri makan’
neten [nətən] ‘menyebut’	bunu’ [bunū?] ‘musuh’	beken [bəkən] ‘lain’
nalan [nälān] ‘jalan’	pinian [pińian] ‘kehendak’	kirān [kirān] ‘tarap’

### iii. Sengauan Lelangit Keras /ŋ/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
ngeruat [ŋəruat] ‘keluarkan’	penguit [pəŋūit] ‘pembawa’	pulung [pulun] ‘hutan’
ngukab [ŋūkab] ‘buka’	bangar [baŋār] ‘papan’	using [usin] ‘kucing’
ngecing [ŋəcīŋ] ‘sampaikan’	penginud [pəŋūnūd] ‘contoh’	ngitang [ŋūtan] ‘berteriak’

## Konsonan Geseran (Frikatif)

Arus udara yang keluar dari paru-paru melalui sempitan di antara alat artikulasi dengan daerah artikulasi menghasilkan konsonan geseran, iaitu geseran dua bibir, geseran gusi dan geseran glotis. Konsonan geseran /s/ hadir pada kedudukan awal, tengah dan akhir, manakala konsonan geseran /h/ hanya hadir pada kedudukan akhiran. Geseran bibir - gigi /f/ pula menghasilkan bunyi pada awalan dan tengah.

Konsonan /f/ dalam bahasa Lundayeh sering sahaja bertukar ganti kepada konsonan /p/. Penggunaannya sangat bergantung pada latar belakang penurnya. Pada hemat penulis, golongan yang menggunakan bunyi konsonan /f/ adalah disebabkan pengaruh dari Lundayeh Pa' Kemaluh di Kalimantan manakala golongan yang menggunakan bunyi konsonan /p/ adalah pengaruh daripada Lun Bawang di Sarawak. Antara contoh perkataan yang sering bertukar ganti adalah seperti yang berikut:

fekaak	disebut	pekaak	‘pagi’
faweh	disebut	paweh	‘kahwin’
afui	disebut	apui	‘api’
lefo	disebut	lepo	‘pondok’
fataad	disebut	patad	‘berpisah’
ufun	disebut	upun	‘berlari’
nufi	disebut	nupi	‘mimpi’
fetaap	disebut	petaap	‘cukup’

Bagi konsonan /p/ yang terletak di akhir kata seperti *petaap*, *lutep* dan sebagainya, tidak sesuai digantikan dengan bunyi /fetaaf/ dan /lutef/. Kekecualian ini juga berlaku pada kata nama khas seperti nama orang dan tempat yang menggunakan konsonan /p/ seperti *Padan* (bukan Fadan), *Belapang* (bukan Belafang) atau *Sipitang* (bukan Sifitang). Oleh sebab kebiasaan menyebut konsonan /f/ yang mewakili konsonan /p/, ramai penutur bahasa Lundayeh menggantikan

konsonan /p/ kepada konsonan /f/ atau sebaliknya. Fenomena yang berlaku kepada konsonan /f/ dan /p/ tidak menjelaskan keaslian bahasa Lundayeh kerana unsur ini hanyalah varisi bebas yang juga berlaku dalam bahasa lain.

### i. Geseran Gusi /s/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
suit [suit] ‘burung’	mesaget [məsagət] ‘cepat’	jabas [jabas] ‘jambu batu’
saraa [saraa] ‘kotak kayu’	mesaso [məsaso] ‘leka’	
subuk [subu?] ‘perigi’	masi’ [māsi?] ‘miskin’	

### ii. Geseran Glotis /h/

#### Akhir

rayeh [rayəh]	‘besar’
mebalih [məbalih]	‘tipu’
dayeh [dayəh]	‘hulu’

## Konsonan Getaran

Konsonan getaran /r/ terhasil kerana menggetarkan lidah. Konsonan ini wujud pada semua kedudukan.

### i. Getaran Gusi /r/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
radi’ [radi?] ‘gergaji’	siren [sirən] ‘lihat’	aar [a:r] ‘pagar’
repet [rəpət] ‘harapan’	rurum [rurum] ‘kawan’	dapar [dapor] ‘telapak kaki’
rukud [rukud] ‘tongkat’	[tərwayən] ‘ingat’	meduar [məduar] ‘longgar’

## Konsonan Sisian (Lateral) Gusi /l/

Konsonan ini dihasilkan apabila udara keluar melalui kedua-dua tepi lidah kerana rongga hidung tertutup. Konsonan /l/ hadir pada kedudukan awal, tengah dan akhir.

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
lun [lun] ‘orang’	bala [bala] ‘cakap’	libal [libal] ‘ganti’
lawid [lawid] ‘ikan’	lalud [lalud] ‘kuasa’	tekul [təkul] ‘sudu’
lidung [lidunj] ‘sudut’	alad [alad] ‘dinding’	samal [samäl] ‘tuah’

## Konsonan Separuh Vokal

Penghasilan bunyi konsonan separuh vokal, iaitu /w/ dan /y/ ini sama dengan penghasilan bunyi-bunyi vokal tetapi berlaku sedikit sempitan pada rongga mulut semasa udara keluar melaluinya.

### i. Separuh Vokal /w/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>	<u>Akhir</u>
wat [wat] ‘akar’	baweh [bawəh] ‘askar’	baw [baw] ‘manik-manik’
wé [we] ‘rotan’	mawang [māwan] ‘gembira’	kerubaw [kərubaw] ‘kerbau’
wan [wan] ‘penugal’	tawak [tawa?] ‘gong’	

### ii. Separuh Vokal /y/

<u>Awal</u>	<u>Tengah</u>
yeh [yəh] ‘dia’	rayeh [rayəh] ‘besar’
yep [yəp] ‘siut’	payo [payo] ‘payau’

Selain senarai konsonan yang telah dijelaskan, Crain (1970:33)<sup>15</sup> juga mengemukakan satu tambahan konsonan yang disebutnya sebagai konsonan letutan lengkap, iaitu gabungan konsonan /bp/ dan /gk/ seperti contoh yang dinyatakan di bawah. Pola konsonan yang dikemukakan ini agak berbeza daripada konsonan dalam bahasa Melayu. Penulis berpendapat bahawa gabungan dua konsonan ini, /bp/ dan /gk/ merupakan bunyi-bunyi homorgan (*homorganic sounds*), iaitu bunyi konsonan yang berlainan tetapi diartikulasikan pada titik artikulasi yang sama. Antaranya termasuklah yang berikut:

abpa'	V <u>K</u> + <u>KV</u>	‘air, sungai’
babpat	<u>KV</u> <u>K</u> + <u>KVK</u>	‘(bahagian’
pegkung	<u>KV</u> <u>K</u> + <u>KVKK</u>	‘gunung’
tagkang	<u>KV</u> <u>K</u> + <u>KVKK</u>	‘pelangi’

Di sini penulis bukanlah bermaksud untuk membincangkan cara pembentukan perkataan atau bidang morfologi tetapi sekadar menjelaskan bahawa konsonan letutan lengkap seperti yang dinyatakan oleh pengkaji<sup>16</sup>

15 Lihat Lampiran B.

16 Pengelasan Konsonan Lundayeh mengikut Lees, Dorothy (1959) “Lundayeh Phonemic” Sarawak Museum Journal 9:56–62 yang telah diubahsuai oleh Crain J.B (1970:33)

sebelum ini wujud dalam pola yang terpisah, bukan seperti konsonan nasal ng /ŋ/ atau ny /j/ yang tidak boleh dipisahkan.

Sebagai rumusan, penulis mendapati bahasa Lundayeh tidak memiliki konsonan /q/, /v/, /x/ dan /z/. Konsonan ini hanya wujud dalam kata pinjaman, sama ada daripada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Dalam perbincangan berikutnya, penulis akan menjelaskan kehadiran diftong dalam bahasa Lundayeh. Terdapat dua diftong yang berbeza dengan diftong asli bahasa Melayu.

## DIFTONG

Diftong ialah turutan dua vokal yang mempunyai satu puncak kelantangan, iaitu pada vokal pertama dan bertindak sebagai satu fonem. Semasa menghasilkannya, tiada hentian wujud yang boleh memisahkan kedua-dua vokal itu menjadi dua suku kata. Menurut Paitoon (2006:204), pergerakan lidah dalam bentuk ini menyebabkan kedengaran bunyi lain yang berbeza posisinya. Jadi, diftong terhasil daripada geluncuran bunyi vokal. Bahasa Lundayeh mempunyai lima pola diftong. Diftong bahasa Lundayeh terdiri daripada diftong depan, diftong tengah dan diftong belakang, iaitu [ai], [au], [aw], [ui], dan [ei]. Misalnya,

sakai	[sakai]	'tetamu'
sadai	[sadai]	'sayur sawi'
pagau	[pagau]	'katil'
badau	[badau]	'parang yang diukir'
tuwau	[tuwau]	'burung merak'
baw	[baw]	'manik-manik'
kerubaw	[kerubaw]	'kerbau'
apui	[apui]	'api'
bui	[bui]	'angin'
delei	[dələi]	'lelaki'

Diftong /ai/, /au/ dan /oi/ sama dengan diftong baku bahasa Melayu. Dua diftong yang lain, iaitu /ui/ terhasil dari belakang lidah ke depan lidah dalam posisi yang sempit tetapi tiada berlaku halangan udara. Diftong /aw/ wujud daripada paduan vokal rendah depan luas ke arah vokal tinggi [u]. Menurut Yusriadi (2007:54), diftong ini dapat dikontraskan dengan bunyi vokal [a] tanpa geluncuran. Kehadiran diftong ini, membentuk keindahan bunyi kata-kata bersuara dalam bahasa Lundayeh.

## CIRI-CIRI KHAS BAHASA LUNDAYEH

Setiap bahasa-mempunyai ciri-ciri khasnya yang tersendiri yang menggambarkan kelainannya dengan bahasa lain. Tidak semua bahasa mampunyai ciri-ciri khas yang sama. Bagi bahasa Lundayeh, terdapat lima ciri khas bahasa yang akan dikemukakan dalam makalah ini. Ciri-ciri khas itu ialah variasi bebas, vokal panjang, vokal rangkap, hentian glotis dan diftong /aw/ dan /au/.

### 1. Variasi Bebas

Bahasa Lundayeh juga mengalami variasi bebas seperti yang berlaku dalam bahasa Melayu, misalnya perkataan *faham* dengan *paham*, dan *fikir* dengan *pikir*. Kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang sama meskipun menggunakan konsonan *f* dan *p*. Menurut Abd. Hamid Mahmood (1997:54), variasi bebas merupakan istilah yang digunakan bagi dua bunyi yang berbeza secara fonetis yang hadir pada lingkungan yang sama dalam perkataan, dan bunyi itu boleh saling berganti antara satu sama lain tetapi tidak membezakan makna. Paitoon (2006:126) menambah, dalam lingkungan tertentu, kadangkala terdapat sepasang bunyi yang memiliki fitur distingtif<sup>17</sup> tidak sama dengan yang tersebar pada posisi yang sama dan tidak pula membezakan makna. Perhatikan beberapa contoh variasi bebas yang berikut:

paweh	dengan	faweh	‘kahwin’
nuba’	dengan	luba’	‘nasi’
meriruh	dengan	mediruh	‘ketawa’
jier	dengan	dier	‘leher’

Variasi bebas ini berlaku disebabkan pertembungan dua pengaruh bunyi sebutan dari suku kaum Lundayeh itu sendiri, iaitu Lundayeh Pa’ Kemaluh dan Lun Bawang atau Lundayeh di Sarawak. Pergaulan sehari-hari boleh mengubah sebutan asal, sama ada dari segi sebutan Lundayeh Pa’ Kemaluh kepada Lun Bawang atau sebaliknya. Misalnya seseorang yang

---

17 Fitur-fitur khusus bagi benda-benda tertentu yang mampu membezakan bentuk, rupa, rasa, bau dan bunyi daripada benda-benda lain yang sejenis dengannya. Dalam fonologi, ciri-ciri nyata fonem membezakannya daripada fonem-fonem yang lain bagi memberikan makna-makna tertentu dalam bahasa.

pada asalnya menggunakan bunyi sebutan /p/, pada suatu masa kemudian menggunakan bunyi sebutan /f/ akibat pengaruh pergaulan harian. Penggunaan konsonan /f/ mempunyai nada yang lembut berbanding bunyi /p/. Contohnya menyebut nama [Fadan] dan [Padan]. Perbezaan yang ketara ini hanya berlaku pada bunyi konsonan /p/ dan /f/ sahaja. Bunyi sebutan yang lain masih sama.

Fenomena yang berlaku akibat penggunaan variasi bebas ini, penutur dengan sewenang-wenangnya menggantikan bunyi fonem /p/ dengan fonem /f/ kerana sudah menjadi amalan atau kebiasaan berbuat demikian. Konsonan /p/ tidak boleh digunakan untuk membunyikan fonem /f/ untuk nama orang seperti Pengiran, Padan, Kapung dan seumpamanya. Selain itu, kekecualian ini juga mencakupi fonem /p/ di posisi akhir seperti lutep ‘tetap’, takep ‘bilik tidur’ dan tekip ‘sarung’; tabpar ‘upah’ atau tebubpun ‘sembahyang’.

## 2. Vokal Panjang

Selain diftong, bahasa Lundayeh juga mempunyai ciri prosodi seperti bunyi vokal yang panjang tanpa hentian ditandai oleh penggandaan vokal [:] pada kata. Vokal panjang berlaku pada posisi awal dan tengah kata. Misalnya:

ool	[o:l]	‘anting-anting/ subang’
aar	[a:r]	‘pagar’
paad	[pa:d]	‘supaya’
suut	[su:t]	‘kecil’
miid	[mî:d]	‘mengelap’
nginuud	[ŋînŋ:d]	‘menyesal’
root	[ro:t]	‘permainan’

Dalam kebanyakan sebutan penutur bahasa Lundayeh, terdapat juga bunyi vokal panjang di akhir kata. Tetapi agak sukar mengklasifikasikannya dalam kumpulan ini kecuali ada peraturan untuk menyelaraskan satu sistem keselarasan bunyi seperti bahasa Melayu. Antara perkataan tersebut adalah seperti yang berikut:

balaa	[bala:]	‘percakapan’
badaa	[bada:]	‘pasir’
baraa	[bara:]	‘beras’

### 3. Vokal Rangkap

Dalam bahasa Lundayeh terdapat juga pola vokal rangkap. Vokal rangkap berbeza dengan diftong. Vokal rangkap merupakan turutan dua vokal penuh yang diucapkan dengan penuh, antaranya terdapat pemisahan dua suku kata. Misalnya kata *kuan* yang bererti *untuk* atau *kepada*, vokal *u* dan *a* adalah vokal penuh yang memisahkan dua suku kata, iaitu *ku* dan *an*. Vokal rangkap juga menerima pengaruh unsur pembibiran (labialisasi), kerana sewaktu menghasilkannya, kedudukan lidah mengalami geluncuran dan bibir dalam keadaan bundar. Labialisasi ialah satu proses artikulasi tambahan yang secara kebetulan terhasil ciri bunyi [w] sebagai unsur sekunder di tengah-tengah vokal bundar dan leper yang terdiri daripada vokal /u/ dengan /a/, vokal /u/ dengan /e/ dan vokal /u/ dengan /i/ dalam satu kata yang berpunca daripada gangguan artikulasi tambahan.<sup>18</sup> Beberapa contoh vokal rangkap bahasa Lundayeh yang mengalami proses labialisasi adalah seperti yang berikut:

rua	[ru a]	‘bambu untuk mengangkat air’
bua’	[bu a?]	‘buah’
rueb	[ru əb]	‘air terjun’
ruen	[ru ən]	‘melakukan’
kiung	[ki uŋ]	‘muka’

Selain proses labialisasi, vokal bahasa Lundayeh juga mengalami proses pempalatan seperti contoh perkataan yang berikut:

teu	[tə u]	‘kita’
mesia’	[məsi a?]	‘merah’

### 4. Hentian Glotis

Dalam bahasa Lundayeh, hentian glotis atau glotalisasi banyak berlaku pada bunyi vokal di posisi akhir perkataan. Paitoon (2006:212) menjelaskan bahawa glotalisasi terhasil kerana berlaku penyempitan alat artikulasi di kotak suara, iaitu pita suara dirapatkan. Isu penambahan [?] pada sesetengah kata yang berakhir dengan vokal setakat ini menurut Chong Shin (2004:213–214), masih tidak dapat diramalkan rumusnya, kerana ciri fonologi ini merupakan “varian Melayu Borneo Barat”. Menurut Nothafer (1996:14) yang dipetiknya juga mengatakan bahawa varian-varian ini

18 Paitoon (2006:210).

merupakan bahasa “subkelompok Borneo Barat”. Kehadiran hentian ini boleh membezakan makna sesuatu kata. Dalam bahasa Lundayeh, hentian ini berlaku pada vokal yang terletak di posisi akhir kata sahaja kecuali vokal /ə/. Jadi, bagi memudahkan penyebutan kata yang seumpamanya dengan tepat, simbol hentian (') ditandakan bersama huruf vokal yang berkenaan seperti yang berikut:

ina'	[inā?]	'emak'
ina	[inā]	'tadi'
bada	[bada]	'pasir'
bada'	[bada?]	'ajaran'
iti'	[iti?]	'buah dada'
iti	[iti]	'tanda / alamat'
buri	[buri]	'kekotoran'
buri'	[buri?]	'percakapan'
ticu'	[tiču?]	'tangan'
ticu	[tiču]	'diteruskan'

Kehadiran hentian ini ['] tidak hanya berlaku terhadap bunyi vokal depan dan vokal belakang tetapi juga vokal e taling. Misalnya:

é'	[e?]	'ya, benar, betul'
----	------	--------------------

Perkataan *ina*, *bada*, *buri* dan *ticu* di atas merupakan contoh perkataan yang akan menghasilkan makna lain jika berlaku hentian glotis. Jadi, dalam bahasa Lundayeh hentian glotis pada bunyi vokal di akhir perkataan sangat penting kerana ciri ini [?] berstatus fonem yang tersendiri dan bukan pasangan minimal /k/ dan /ʔ/ seperti dalam perkataan **kotak** yang dibunyikan [**kota?**] Banyak perkataan Lundayeh yang menggunakan hentian glotis [?] ini.

## 5. Diftong /au/ dan /aw/

Kehadiran dua diftong ini nyata membawa ciri yang berlainan berbanding dengan bahasa peribumi yang lain di Kepulauan Borneo ini. Fonem /u/ merupakan vokal bersuara manakala /w/ pula ialah separuh vokal. Kadangkala menjadi suatu kesukaran menentukan bunyi diftong, sama ada /au/ atau /aw/. Contoh perkataan yang mengandungi diftong ini adalah seperti yang berikut:

pagau	'katil'
-------	---------

arau	‘gabus untuk panah sumpitan’
irau	‘pesta’
megagau	‘gelisah’
tuwau	‘burung merak’
baw	‘manik-manik’
kerubaw	‘kerbau’

## PENUTUP

Kajian tentang bahasa Lundayeh di Sabah boleh dikatakan sangat ketinggalan berbanding dengan bahasa peribumi Borneo yang lain. Walaupun ada usaha yang telah dilakukan oleh para pengkaji barat yang datang ke bumi Borneo, namun kajiannya tidak begitu mendalam kerana mereka lebih tertumpu kepada aspek sosiobudaya.

Hasil daripada kajian ini, penulis mendapati sistem bunyi bahasa Lundayeh tidak jauh bezanya berbanding dengan bahasa lain, iaitu jumlah vokal enam jenis dan konsonan 19 jenis adalah sama dengan bahasa Melayu. Bunyi vokal hadir pada semua posisi kecuali vokal e pepet tidak terdapat pada posisi akhir seperti beberapa dialek Melayu di Semenanjung Malaysia.

Bunyi konsonan yang hadir di semua posisi kata ialah konsonan letusan, konsonan sengauan, konsonan getaran dan sisian serta konsonan separuh vokal seperti konsonan /b/, /p/, /f/, /d/, /t/, /g/, /k/, /m/, /n/, /ŋ/, /r/, /l/, /w/ dan /y/. Konsonan letusan /j/ dan /c/ serta geseran /h/ hanya hadir pada posisi akhir sahaja. Sementara konsonan yang hadir pada posisi awal dan tengah perkataan terdiri daripada geseran /s/ sahaja.

Diftong pula terbahagi kepada lima jenis, iaitu [ai], [au], [aw], [ui], dan [ei]. Kelima-lima diftong ini mempunyai kemuncak kelantangan bunyi. Kelainan beberapa aspek dalam bahasa Lundayeh terdiri daripada variasi bebas, vokal rangkap, vokal panjang, hentian glotis dan diftong /au/ dengan /aw/.

## RUJUKAN

- Abd. Hamid Mahmood, 1997. *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Hj. Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balang dan Harrisson, “Murut and related vocabularies with special reference to

- North Borneo Terminology” dlm. Sarawak Museum Journal 5, hlm. 116–124, 1949.
- Bellwood, 1985. *The Great Pasific Migration, Year Book Of Science and The Future* dlm Encyclopaedia Britanica Inc.
- Bilcher Bala, 1993. *Masyarakat Kelabit dan Lun Bawang di Sarawak*. Jebat 21:20–54
- Chong Shin, 2004. *Laporan Kajian Lapang Di Pulau Borneo: Dialek Melayu Sekadau*, dlm Jurnal Bahasa Dewan, Jld 4 Bil.2. Jun 2004.
- Collins, J.T., 1998, *Malay World Language, A Short History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crain, Jay.B., 1970. *The Lundayeh of Sabah, East Malaysia: Aspect of Marriage and Social Exchange*, Cornell University.
- Crain, Jay. B., 1973. *Mengalung Lun Dayeh Agricultural Organization*. Brunei Museum Journal 3:1–25
- Crain, Jay. B., 1978. “*The Lun Dayeh*” in: *Victor King (ed) Essays on Borneo Societies*. Oxford: Oxford University Press For The University of Hull, pp.123–142
- Deegan, James L,1973. *Change Among The Lun Bawang, A Borneo People*. Ph.D Dissertation, University of Washington, pp.325
- Halimah Abd Rahman, 2001. *Strategi Menjawab Bahasa Melayu STPM*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Harrison, Tom (ed.), 1959. *The Peoples of Sarawak*. Kuching, Sarawak: Government Printer.
- Ipoi, Datan 1989. *A Brief Ethnography of The Lun Bawang of Sarawak*. Sarawak Museum Journal. XL 61, III:143–156
- Langub, J. 1987. “*Ethnic Self-labelling of The Murut or Lun Bawang of Sarawak*” dlm Sarawak Gazette, CXIII (1502), 30–35.
- Le Bar, Frank, 1972. *Ethnic Groups of Insular Southeast Asia Volume 1, Indonesia, Andaman Islands and Madagascar*. New Haven: Human Relations Area Files Press.
- Lees, Dorothy 1959. *Lundayeh Phonemic*, Sarawak Museum Journal 9:56–62.
- Mat Zin Mat Kib, 2003. *Kristian Di Sabah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Meechang Tuie, 1995. *Masyarakat Lun Bawang Sarawak: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim (ed), 2004. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paitoon M. Chaiyanara, 2006. *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Padoch, Christine, 1981. *A Study of A Borneo System of Intensive Agriculture As A Model For Development. A Final Report Submitted to The Consortium For The Study of Man and His Global Environment*. Manuscript, pp.77

- Pollard Frank Hugh, 1933. *The Muruts of Sarawak*. Sarawak Museum Journal 4:139–155
- Pollard Frank Hugh, 1935. *Some Comparative Notes on Muruts and Kelabits*. Sarawak Museum Journal 4:223–227
- Prentice, D.J., 1965. “*Form and Function in the Verbs of Sabah Muruts: A Preliminary Analysis*” dlm *Oceanic Linguistics*, Pt. 4 hlm. 127–150.
- Rahim Aman, 2006, *Perbandingan Fonologi dan Morfologi Bahasa Iban, Kantuk dan Mualang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Runciman, S., 1960. *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841–1946*. Cambridge: Cambridge University Press
- Samuel Labo Pur, 1961. *Kamus Lun Dayeh*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Southwell, C. Hudson, 1949. *The Structure of The Murut Language*. Sarawak Museum Journal 5:104–115
- Wooley, G.C., 1922. “*The Timoguns, A Murut Tribes of The Interior, North Borneo*” dlm *Native Affairs Bulletin*. No.1 Jesselton Government Printer.
- Wooley, G.C., 1962. “*A Murut Vocabulary*” dlm. Journal of The Straits Branch of The Royal Asiatics Society 86 hlm. 344–375.
- Yusriadi, 2007. *Dialek Melayu Ulu Kapuas Kalimantan Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

**Lampiran A****Pertalian Bahasa Austronesia Purba (BAP) dengan Bahasa Lundayeh**

<b>BAP</b>	<b>BL</b>	<b>Makna BM</b>
ijuSung	ičuŋ	hidung
ulu	uluh	kepala
telu	təluh	tiga
dilaq	dila?	lidah
ama	ama?	bapa
nipen	lipən	gigi
walu?	waluh	lapan
qitem	mǐtəm	hitam
alem	maləm	malam
daki	daki?	kotor
kapal	məkapal	tebal
qatey	até	hati
raya	rayəh	besar
quzan	mudan	hujan
rumaq	ruma?	rumah
siup	ŋiup	tiup
bulan	bulan	bulan
bituqen	gituen	bintang
bulu	buluh	bulu
daraq	dara?	darah
ina	ina?	ibu
kita?	kiteh	kita
labaw	labo	tikus
langit	laŋit	langit
languy	ləmarjui	berenang
mata	matəh	mata
matey	maté	mati
nipi	nupi	mimpi
tanaq	tana?	tanah
tazem	mətadəm	tajam
tektek	nətək	potong

tinaqi	tinai?	usus
tuqelan	tulaŋ	tulang
urat	urat	urat

**Lampiran B****LUN DAYEH PHONEMIC****CONSONANTS**

	BI-LABIAL	LABIO DENTAL	DENTAL	ALVEO-OLAR	ALVEO-PALA-TAL	VELAR	GLO-TAL
PLOSIVES: VOICELESS VOICED	p b	f	t d	c	ch j	k g	
COMPLEX PLOSIVES	bp					gk	
STOPS							'
FRICA-TIVES				s			h
NASALS	m			n		ng	
LIQUIDS				l,r			
SEMI-VOWELS	w	y					

**VOWELS**

	FRONT	CENTRAL	BACK
HIGH	i		u
MID	ɛ	e	o
LOW		a	

Note:

The voiced alveo palatal plosive /j/ and the glottal fricative /h/ occur only in loans words.

Pengkelasan Konsonan Lundayeh mengikut Lees, Dorothy (1959) dlm. "Lundayeh Phonemic" Sarawak Museum Journal 9:56–62 yang telah diubahsuai oleh Crain J.B (1970:33)


Lampiran C

LUNDAYEH COUNTRY

(BAWANG LUNDAYEH)

1800 — 1959

The Geographical Journal, September / December 1959.



Published by the Royal Geographical Society